


# LAPORAN TAHUNAN 2023

022200  
FARMASI DAN BEKALAN



## HOSPITAL KANOWIT

Disediakan Oleh:

  
**CHUO SING HONG**  
Ketua Pegawai Farmasi UF54,  
RPh 5913  
Hospital Kanowit

**CHUO SING HONG**  
Ketua Pegawai Farmasi  
Hospital Kanowit

Tarikh: 16/1/2024

Disahkan Oleh:

  
DR. BERNADETTE SYONNIA BT. JARU SAWAT  
PENGARAH HOSPITAL,  
HOSPITAL KANOWIT.  
MMC NO. 61599

**DR. BERNADETTE SYONNIA  
BT JARU SAWAT**  
Pengarah

Hospital Kanowit

Tarikh: 30/1/2024

**LAPORAN TAHUNAN**  
**FARMASI DAN BEKALAN, HOSPITAL KANOWIT.**  
**TAHUN 2023**

**1. PENGENALAN**

Bahagian Farmasi Hospital Kanowit diterajui oleh Ketua Pegawai Farmasi dan merupakan satu bahagian sokongan dalam organisasi hospital. Bahagian Farmasi dipertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan farmaseutikal yang berkonsepkan perkhidmatan penyayang kepada setiap pesakit.

**2. WAWASAN**

Untuk memberi perkhidmatan Farmasi yang terbaik demi kesihatan dan kesejahteraan negara.

**3. MISI**

Menerajui perkhidmatan Farmasi yang dinamik dengan memberi penekanan pada tahap kewibawaan yang tinggi, profesionalisme dan kecemerlangan, sejajar dengan aspirasi dan cabaran negara.

**4. OBJEKTIF**

- 4.1. Memberi perkhidmatan Farmasi yang efisien dan efektif kepada setiap pesakit dan pelanggan di hospital.
- 4.2. Memastikan kuantiti ubat yang dibekalkan kepada pesakit adalah selamat dan berkesan dengan memberikan arahan yang jelas kepada pesakit mengenai dos ubat.
- 4.3. Perolehan dan pembekalan ubat-ubatan yang berkualiti, berkesan, selamat dan pada masa yang sesuai.
- 4.4. Merancang, mengurus, memantau dan menilai perkhidmatan yang disediakan oleh perkhidmatan farmasi.
- 4.5. Membekalkan maklumat terkini mengenai ubat-ubatan yang terdapat di hospital ini.

**5. FUNGSI-FUNGSI UTAMA**

- 5.1. Perolehan dan Pembekalan ubat-ubatan dan bukan ubat / peralatan untuk Hospital Kanowit.
- 5.2. Mendispen ubat-ubatan kepada pesakit luar.
- 5.3. Membekal ubat-ubatan kepada pesakit dalam.
- 5.4. Meningkatkan kualiti perkhidmatan farmasi dengan menjalankan aktiviti penyelidikan dan kualiti.
- 5.5. Menjalankan perkhidmatan klinikal di wad.

## 6. SUMBER TENAGA MANUSIA

### 6.1. Jawatan

Nama Jawatan	Bilangan Jawatan		
	Dilulus	Diisi	Kosong
Pegawai Farmasi UF 41/44/48/52/54	9	8	1
Pegawai Farmasi UF 41 (K)	-	1	-
Penolong Pegawai Farmasi U32	1	1	0
Penolong Pegawai Farmasi U29	6	6	0
Pembantu Tadbir (Stor) N19	1	1	0
Pembantu Awam H11	5	5	0
Jumlah	22	21	1

### 6.2 Pegawai yang telah berpindah ke stesyen lain


Nama Pegawai	Jawatan	Tarikh	Ke Stesen
Tiada	Tiada	Tiada	Tiada

### 6.3 Pegawai yang di tukar ke Hospital Kanowit.

Nama Pegawai	Jawatan	Tarikh	Dari Stesen
1. Betty ak Renang	Pembantu Tadbir (P/O) N19	26.01.2023	Lantikan baru
2. Farah Najihah binti Isa'ali	Pegawai Farmasi UF41	31.07.2023	Hospital Sibul (Lantikan baru sebagai PF tetap)

6.4 Carta Organisasi

CARTA ORGANISASI UNIT FARMASI HOSPITAL KANOWIT



Dikemaskini oleh:  
**CHUO SING HONG**  
 Ketua Pegawai Farmasi UF54,  
 RPH 5913  
 Hospital Kanowit. 28/8/2023

Disahkan oleh,  
**Dr. Bernadette Syonnia Bt. Jaru Sawat**  
 Pengarah Hospital  
 Hospital Kanowit.  
 4/9/2023

## 7. PEMBAHAGIAN UNIT FARMASI


UNIT	SUB-UNIT	AKTIVITI
Farmasi Pesakit Luar	Kaunter Pesakit Luar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendispensan ubat kepada pesakit luar.</li> <li>• Pemberian kaunseling ubat-ubatan</li> <li>• Pembekalan ubat melalui perkhidmatan Nilai Tambah seperti Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu (SPUB), Ambil Kemudian, Kad Temujanji (SMART)</li> </ul>
	Farmasi MTAC	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembekalan perkhidmatan MTAC seperti MTAC Diabetes, MTAC antikoagulant,.</li> </ul>
Farmasi Pesakit Dalam	Bekalan Wad	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembekalan ubat kepada wad</li> <li>• Pendispensan ubat kepada pesakit discaj dari wad</li> <li>• Kaunseling ubat secara bedside dan discaj</li> <li>• Penyediaan pengeluaran eksternal, internal, antiseptic, disinfectant, pra-pembungkusan ubat-ubatan</li> </ul>
Farmasi Wad/TDM	Farmasi Wad	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti-aktiviti Farmasi klinikal.</li> <li>• Menyelaras aktiviti farmakokinetik klinikal.</li> </ul>
Farmasi Logistik	Perolehan & Akaun	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perolehan, penyimpanan dan pembekalan ubat, bukan ubat dan gas perubatan di Hospital Sibu.</li> </ul>
	Bekalan	
Farmasi PRIC & Kualiti	Pusat Sumber & Maklumat Farmasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyampaian maklumat ubat</li> <li>• Pengurusan formulari ubat-ubatan hospital</li> </ul>
	Unit Kualiti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melibatkan dalam pengendalian aktiviti kualiti Farmasi</li> </ul>

## 8.0 PENCAPAIAN AKTIVITI JABATAN FARMASI 2023


### 8.1 Farmasi Pesakit Dalam

#### 8.1.1 Bekalan wad


Farmasi Pesakit Dalam membekal ubat-ubatan kepada semua pesakit dalam wad-wad melalui sistem "Unit of Dose". Bilangan perkara yang telah dibekal adalah 37,851 (Graf 1) dan bilangan preskripsi didispens adalah 14,244 dalam tahun 2023 (Graf 2). Unit ini juga membekal ubat-ubatan kepada unit-unit lain dengan menggunakan sistem "Top-Up" yang membekalkan 6005 perkara. Peningkatan intervensi preskripsi sebanyak 45.2% juga dicapai pada tahun 2023 seperti dalam Graf 3.



Graf 1: Bilangan item UOU dan item UD's yang dibekalkan dari tahun 2021 ke 2023




Graf 2: Bilangan preskripsi Farmasi Pesakit Dalam dan preskripsi discaj yang diterima dari tahun 2021 ke 2023




Graf 3: Bilangan intervensi preskripsi Farmasi Pesakit Dalam dari tahun 2021 ke 2023.

### 8.1.2 Pengeluaran bukan steril & prabungkus

Pada tahun 2023, perkhidmatan Pengeluaran Bukan Steril di bawah Farmasi Pesakit Dalam telah menghasilkan persediaan internal sebanyak 272.09(kg)/(L) dan 786.40 (kg)/(L) bagi persediaan eksternal, manakala untuk persediaan ektemporanus pula, sebanyak 23.25 L persediaan telah dihasilkan (Graf 4). Sejumlah 35,976 paket dari 25 jenis ubat biji diprabungkus. Tiada persediaan eksternal dan internal disediakan pada tahun 2023 (Graf 5) dengan ketersediaan produk komersial alternatif di pasaran. Pembungkusan semula untuk pek UD ialah 24,877 paket untuk 78 jenis ubat.




Graf 4: Bilangan persediaan pengeluaran bukan steril dari tahun 2021 ke 2023




Graf 5: Bilangan jenis prabungkus yang disediakan dari tahun 2021 ke 2023

### 8.1.3 Pendispensan dan kaunseling tepi katil

Farmasi Pesakit Dalam juga menjalankan perkhidmatan pendispensan tepi katil dan kaunseling untuk pesakit di wad. Peningkatan jumlah dan peratus pendispensan tepi katil telah dicapai pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 seperti dalam Graf 6. Jumlah kaunseling yang dijalankan oleh Farmasi Pesakit Dalam ialah 866 kes (Graf 7) dengan majoriti (50.2%) kaunseling dibuat untuk discaj tepi katil.




Graf 6: Bilangan dan peratus pencapaian pendispensan tepi katil dari tahun 2021 ke 2023



Graf 7: Bilangan kaunseling yang dijalankan dari tahun 2021 ke 2023

### 8.1.4 Inden CDR ke Hospital Sibul

Di samping itu, Hospital Kanowit telah menerima pesakit kes CDR dari Hospital Sibul pada tahun 2023. MOA antara Hospital Kanowit dan Hospital Sibul telah disediakan untuk *outsource* perkhidmatan rekonstitusi ubat kemoterapi ke Hospital Sibul. Sebanyak 18 inden CDR telah dihantar ke Hospital Sibul pada tahun 2023 (Graf 8)




Graf 8: Bilangan inden CDR ke Hospital Sibiu pada tahun 2023

## 8.2 Farmasi Wad

### 8.2.1 Aktiviti Klinikal

Pegawai Farmasi Wad sepenuh masa di Hospital Kanowit menjalankan aktiviti klinikal di keempat-empat wad terutamanya wad lelaki dan wad perempuan. Jumlah kes klinikal CP2 yang dicapai pada tahun 2023 ialah 614 kes manakala jumlah CP1 yang diambil ialah 615 (Graf 9). Ini menunjukkan peningkatan pencapaian sebanyak 10.6% berbanding tahun 2022. Peningkatan ini kerana bilangan pesakit di wad meningkat dengan pengurangan kes covid.



Graf 9: Bilangan CP1, CP2 dan CP3 yang dibuat meningkat dari tahun 2021 ke tahun 2023.

### 8.2.2 Aktiviti Antimicrobial Stewardship (AMS)


Sebanyak 6 jenis aktiviti telah dijalankan pada tahun 2023 (Jadual 1). Bilangan kursus kawalan infeksi & Antimicrobial Stewardship (AMS) anjuran unit kawalan infeksi Hospital Kanowit telah ditambah ke 2 kali setahun pada tahun 2023 berbanding dengan tahun 2022. Semua aktiviti AMS ini adalah untuk mengurangkan atau mencegah kerintangan antibiotik daripada berlaku di Hospital Kanowit.

Jadual 1: Aktiviti Antimicrobial Stewardship (AMS) yang dijalankan dari tahun 2021 ke 2023

Bil.	Aktiviti	Tahun 2021	Tahun 2022	Tahun 2023
1	Surveilan penggunaan antibiotik (DDD)	2 kali (Jan & Jul)	2 kali (Jan & Jul)	2 kali (Jan & Jul)
2	Culture and sensitivity monitoring	1 kali (Jul)	1 kali (Jul)	1 kali (Jul)
3	Intravenous and oral antibiotic monitoring and reviewing	2 kali (Jan & Jul)	2 kali (Jan & Jul)	2 kali (Jan & Jul)
4	Point prevalence survey (PPS)	1 kali (Dis)	1 kali (Okt)	1 kali (Okt)
5	Kursus kawalan infeksi & Antimicrobial Stewardship (AMS)	Tiada rekod ditemui	1 kali (Sept)	2 kali (Mei & Okt)
6	Antimicrobial Stewardship (AMS) continuing medical education (CME)	1 kali	1 kali	1 kali

### 8.2.3 Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal

Hospital Kanowit tidak menjalankan analisa TDM dan sampel serum akan dihantar ke Jabatan Patologi Hospital Sibul untuk analisa. Keputusan analisis akan dihantar ke Hospital Kanowit melalui PhIS untuk interpretasi Pegawai Farmasi dan melaporkan cadangan kepada doktor. Terdapat penurunan kes yang diterima pada tahun 2023 dengan jumlah 24 kes. Hanya 23 analisis dijalankan dan 1 kes ditolak disebabkan pesakit mengambil ubat pada dos dan kekerapan yang salah.




Graf 10: Jumlah analisis TDM yang dibuat oleh Hospital Kanowit dari tahun 2021 ke 2023.


## 8.3 Farmasi Pesakit Luar

### 8.3.1 Kaunter Pendispensan Pesakit Luar


Sebanyak 47317 preskripsi diterima (Graf 11) dengan jumlah item yang dibekalkan kepada pesakit sebanyak 230513 item (Graf 12). Semua preskripsi (100%) disaring oleh pegawai farmasi. Preskripsi susulan yang diterima ialah 10982. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 16.7% berbanding tahun 2022. Penurunan preskripsi yang diterima turut memberi impak kepada pengurangan pesakit dalam menggunakan perkhidmatan tambah nilai (Graf 13). Perkhidmatan "Collect Later" menunjukkan 44.17% penurunan pada tahun 2023 (1931 preskripsi) berbanding tahun 2022 (3459 preskripsi).



Graf 11: Jumlah preskripsi yang diterima di Farmasi Pesakit Luar dari tahun 2021 ke 2023




Graf 12: Jumlah item yang didispens dari Farmasi Pesakit Luar dari tahun 2021 ke 2023.




Graf 13: Bilangan pesakit dalam perkhidmatan tambah nilai Farmasi Pesakit Luar dari tahun 2021 ke 2023.

Purata peratus preskripsi yang didispens dalam masa 30 minit untuk tahun 2023 adalah 99.14%, dengan peningkatan 1% berbanding tahun 2022 (Graf 14). Ini mungkin disebabkan pengurangan jumlah pesakit dan penambahan seorang Pegawai Farmasi yang ditempatkan di Farmasi Pesakit Luar pada tahun 2023.




Graf 14: Peratus preskripsi yang didispens dalam masa 30 minit di Farmasi Pesakit Luar dari tahun 2021 ke 2023

Peratus intervensi yang dibuat ke atas preskripsi menunjukkan sedikit kenaikan pada tahun 2023 iaitu 1.8% berbanding dengan 1.3% (Tahun 2022) daripada jumlah preskripsi yang diterima. Ini mungkin disebabkan kesuntukan Pegawai Perubatan di Hospital Kanowit pada tahun 2023 dan *deployment* secara bergilir diperlukan oleh dari Hospital Sibu. Jenis intervensi yang paling kerap dibuat pada tahun 2023 adalah *incomplete drug* diikuti dengan *inappropriate dose* dan *inappropriate drug*.




Graf 15: Peratus intervensi ke atas preskripsi Farmasi Pesakit Luar Tahun 2021 ke 2023.



Graf 16: Jenis Intervensi ke atas preskripsi yang diterima Farmasi Pesakit Luar dari tahun 2021 ke 2023.

Selain itu, jumlah kaunseling yang dilakukan pada tahun 2023 juga menunjukkan peningkatan dari 1508 sesi pada tahun 2022 kepada 1567 sesi pada tahun 2023 (Graf 17).




Graf 17: Jumlah sesi kaunseling pesakit di Farmasi Pesakit Luar dari Tahun 2021 ke 2023

### 8.3.2 Perkhidmatan MTAC


Unit Farmasi Hospital Kanowit menawarkan dua jenis perkhidmatan *Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC)* iaitu *Anticoagulation MTAC (ACMTAC)* dan *Diabetes MTAC (DMTAC)*.

ACMTAC di Hospital Kanowit dijalankan oleh 3 orang Pegawai Farmasi yang telah diberikan latihan sangkutan pada setiap Jumaat. Jumlah perjumpaan dengan pesakit ialah sebanyak 826 pada tahun 2023 (Graf 18).

Pegawai yang menjaga DMTAC telah menjalankan latihan sangkutan di Hospital Umum Sarawak. Perkhidmatan ini turut dijalankan oleh 2 orang pegawai farmasi yang telah diberikan latihan sangkutan di Hospital Kanowit. Klinik ini akan berjumpa dengan pesakit setiap hari Rabu dan perjumpaan susulan akan dibuat pada hari lain. Jumlah perjumpaan dengan pesakit ialah 290 pada tahun 2023 (Graf 19).



Graf 18: Jumlah sesi lawatan ACMTAC Hospital Kanowit dari tahun 2021 ke 2023.




Graf 19: Jumlah sesi lawatan DMTAC Hospital Kanowit dari tahun 2021 ke 2023.

## 8.4 Farmasi Logistik


### 8.4.1 Perolehan & akaun

Jumlah peruntukan yang diterima pada tahun 2023 adalah sebanyak RM2,726,729.00, iaitu penurunan sebanyak 4% berbanding dengan RM2,842,365.60 yang diterima pada tahun 2022 (Graf 20). Peningkatan peruntukan untuk perolehan vaksin (OL 27404) adalah untuk menampung keperluan vaksin *anti-rabies (Verorab)* yang semakin meningkat di Hospital Kanowit sejak pembukaan *post-bite clinic* sejak November 2022.



Graf 20: Peruntukan diterima berdasarkan aktiviti (27401, 27402, 27403, 27404, 27499)


Daripada Graf 21 menunjukkan bahawa terdapat pengurangan pengeluaran LPO untuk OL 27401 tetapi peningkatan pengeluaran LPO untuk OL 27402, 27404 dan 27499 pada tahun 2023. Ini selaras dengan jumlah peruntukan yang diterima dan peningkatan keperluan untuk gas perubatan, vaksin anti-rabies dan *non standard consumables*.



Graf 21: Bil LPO yang dikeluarkan berdasarkan aktiviti (27401, 27402, 27403, 27404, 27499)

#### 8.4.2: Bekalan


Unit Bekalan Farmasi Logistik bukan sahaja menerima stok daripada pembekal tetapi juga stok dari fasiliti lain. Terdapat penurunan inden ke PFB Sibul dan PTJ lain pada tahun 2023 (Graf 22) disebabkan penurunan keperluan inden *supplementary* dan pengurusan stok yang lebih cekap.



Graf 22: Bil inden yang dihantar ke PFB Sibul dan PTJ lain


Unit Bekalan juga mengeluarkan stok kepada semua pengguna dalaman (Unit Farmasi dan wad/unit lain) dan pengguna luar seperti fasiliti lain. Jumlah perkara yang dibekalkan oleh Farmasi Logistik berkurang pada tahun 2023

berbanding tahun 2021 dan 2022, disebabkan terutamanya penurunan keperluan PPE, ubat dan bukan ubat berkaitan dengan wabak COVID-19 memandangkan keadaan COVID-19 semakin reda pada tahun 2023.



Graf 23: Bilangan perkara yang dibekalkan kepada unit Farmasi, wad dan PTJ lain dari tahun 2021 ke 2023

Peningkatan pembekalan silinder oksigen kepada pengguna telah meningkat sebanyak 62.4% pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 (Graf 24). Untuk menampung keperluan yang semakin meningkat, Farmasi Logistik telah mendapatkan agihan silinder oksigen 6.4m<sup>3</sup> daripada Hospital Sibul dan Hospital Bintulu mulai September 2023.




Graf 24: Bil silinder yang dibekalkan ke wad dari tahun 2021 ke 2023


## 8.5 Unit Perkhidmatan Maklumat Ubat & Kualiti

### 8.5.1 Perkhidmatan Maklumat Ubat

Fungsi utama Perkhidmatan Maklumat Ubat adalah menerima pertanyaan ubat daripada staf hospital. Sebanyak 167 pertanyaan telah diterima pada tahun 2023, iaitu 14.4% peningkatan berbanding tahun 2022 (Graf 25). Majoriti pertanyaan yang diterima adalah berkaitan dengan pertanyaan dos/administrasi (44%). (Graf 26)




Graf 25: Jumlah pertanyaan maklumat ubat yang diterima oleh Unit Perkhidmatan Maklumat Ubat dari tahun 2021 ke 2023.




Graf 26: Jenis dan kategori pertanyaan maklumat ubat yang diterima oleh Unit Perkhidmatan Maklumat Ubat pada tahun 2023.

Selain itu, Unit Perkhidmatan Maklumat Ubat juga memantau permohonan borang permohonan penggunaan ubat list A (PPUA) pada tahun 2023 dan Graf 27 di bawah menunjukkan jumlah borang diterima setiap bulan pada tahun 2023. Setiap borang penggunaan ubat list A akan diisi oleh pegawai perubatan Hospital Kanowit dengan maklumat pakar yang dihubungi supaya boleh dihantar untuk tandatangan setimpal seterusnya.




Graf 27: Borang Permohonan PPUA yang diterima oleh Unit Farmasi Hospital Kanowit bulanan pada tahun 2023

Unit Perkhidmatan Maklumat Ubat telah menerima sejumlah 33 laporan ADR pada tahun 2023 (Graf 28). Ubat *anti-infective* menunjukkan kes ADR yang paling banyak diterima (24.2%) diikuti dengan ubat *hyperlipidemia* (21.2%) seperti yang ditunjukkan dalam Graf 29.




Graf 28: Jumlah kes ADR yang diterima oleh Unit Farmasi Hospital Kanowit dari tahun 2021 ke 2023



Graf 29: Kategori jenis ADR yang diterima oleh Unit Farmasi Hospital Kanowit pada tahun 2023.

Pada tahun 2023, Unit Perkhidmatan Maklumat Ubat telah mengeluarkan 16 kad alahan kepada pesakit yang memenuhi kriteria, iaitu 45.5% peningkatan berbanding tahun 2021 (Graf 30). Semua permohonan adalah daripada pegawai perubatan Hospital Kanowit. Selain kad alahan, Unit Perkhidmatan Maklumat Ubat juga mengeluarkan kad vaksin anti-rabies kepada pesakit yang menerima vaksinasi di *post-bite clinic* Hospital Kanowit. Sejumlah 150 kad vaksin rabies yang dikeluarkan pada tahun 2023



Graf 30: Jumlah kad alahan yang dikeluarkan oleh Unit Farmasi Hospital Kanowit dari tahun 2021 ke 2023

### 8.5.2 Kajian Inovasi / R&D / Kualiti Pada Tahun 2023

Jadual 2: Senarai kajian Inovasi/R&D/Kualiti yang aktif pada tahun 2023

Jenis Projek	Nama Projek	Ahli Kumpulan
Inovasi	Pengubahsuaian kaunter pendispensan Farmasi Pesakit Luar Hospital Kanowit	Chuo Sing Hong, Theng Sie Ching, Ho Sek Wen
Kualiti	<i>Reducing dispensing error in Collect Later Prescription in OPD Pharmacy Hospital Kanowit</i>	Theng Sie Ching, Arthur Tiong Ing Jie, Ho Sek Wen, Chuo Sing Hong
R&D	<i>Prescribing pattern of Anti-Hypertensive Medications in Hospital Kanowit (NMRR-22-02078-SV6)</i>	Arthur Tiong Ing Jie, Theng Sie Ching, Ho Sek Wen
R&D	<i>INR control among non-valvular atrial fibrillation patients receiving warfarin in rural &amp; urban hospitals in Sarawak (NMRR ID-23-00160-UUD)</i>	Koay Khang Sean, Ho Sek Wen, Arthur Tiong Ing Jie, Liew Nyuk Tsuey, Loh Xin Hui

### 8.5.3 Latihan/Taklimat/Kursus Anjuran Unit Farmasi Tahun 2023

Jadual 3: Senarai latihan/taklimat/kursus yang dianjurkan Unit Farmasi pada tahun 2023.

No	Tarikh	Tajuk	Penceramah	Kehadiran	Kos
1	11.01.2023	Taklimat TDM Bil 1/2023	PF Winnie Lew	26 peserta	TB
2	13.02.2023	CME Tuberculosis	PF Lily Tiong	32 peserta	TB
3	17.02.2023	CME Rabies Vaccine	PF Arthur Tiong	53 peserta	TB
4	20.02.2023	Kursus Penyediaan Inden PhIS & Tatacara Pengurusan Stor Bil 1/2023	PF Chuo Sing Hong PF Ting Siew Chuan	27 peserta	RM 15 x 27 = RM 405
5	15.03.2023	Kursus Keselamatan Pengubatan Bil 1/2023	PF Chuo Sing Hong	28 peserta	RM 15 x 28 = RM 420
6	11.04.2023	Taklimat Aseptic Technique & PPE Usage	Unit Kawalan Infeksi	18 peserta	TB
7	14.04.2023	CME DMTAC	PF Carmen Wong	25 peserta	TB
8	28.04.2023	CME QUMC Cara Penyimpanan Ubat	PF Ho Sek Wen	23 peserta	TB
9	22.05.2023	Taklimat IR/RCA Anjuran Unit Kualiti	PF Arthur Tiong	27 peserta	TB
10	23.05.2023	Kursus Kawalan Infeksi & Antimicrobial Stewardship (AMS) Bil 1/2023	PF Winnie Lew	26 peserta	Unit Kawalan Infeksi

11	26.05.2023	<i>Clinical Case Presentation - Hypotension in ACS</i>	PF Winnie Lew	31 peserta	TB
12	16.06.2023	<i>CME Vaccine Pharmacovigilance</i>	PF Ting Siew Chuan	41 peserta	TB
13	16.06.2023	Taklimat Polisi Pengendalian Bahan Psikotropik	PF Chuo Sing Hong	27 peserta	TB
14	06.07.2023	Taklimat Safe Handling of Oxygen Cylinders	Linde Eox Sdn Bhd	14 peserta	TB
15	07.07.2023	CME ACMTAC	PF Ho Sek Wen	23 peserta	TB
16	21.07.2023	CME DMTAC	PF Theng Sie Ching	17 peserta	TB
17	25.08.2023	CME Ubat Berdaftar di Malaysia	PF Lily Tiong	12 peserta	TB
18	06.09.2023	<b>Kursus Keselamatan Pengubatan Bil 2/2023</b>	PF Arthur Tiong	31 peserta	RM 15 x 31 = RM 465
19	08.09.2023	CME ADR AEFI Reporting	PF Theng Sie Ching	14 peserta	TB
20	15.09.2023	CME Medication Error Reporting	PF Arthur Tiong	9 peserta	TB
21	20.09.2023	<b>Taklimat Safe Handling Cytotoxic Drugs</b>	Hospital Sibu	17 peserta	RM 15 x 17 = RM 255
22	10.10.2023	Kursus Kawalan Infeksi & Antimicrobial Stewardship (AMS) Bil 2/2023	PF Winnie Lew	25 peserta	Unit Kawalan Infeksi
23	20.10.2023	CME AMS	PF Winnie Lew	18 peserta	TB
24	24.11.2023 27.11.2023	Taklimat Amalan Perakodan Pengubatan di ETU	PF Chuo Sing Hong	23 peserta	TB
25	01.12.2023	CME Quit Smoking Pharmacotherapy	PF Farah Najihah	6 peserta	TB
26	15.12.2023	Taklimat Penghantaran Inden Silinder Oksigen	PF Chuo Sing Hong	21 peserta	TB

Gambar-gambar kursus yang dianjurkan oleh Unit Farmasi pada tahun 2023



#### 8.5.4 Aktiviti Keselamatan Pengubatan dan QUMC

Unit Farmasi telah mencapai sasaran 5 aktiviti keselamatan pengubatan yang dianjurkan untuk tahun 2023 dengan butiran seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4: Aktiviti Keselamatan Pengubatan dan QUMC yang dianjurkan oleh Unit Farmasi pada tahun 2023

No	Tarikh	Nama Aktiviti
1	27.03.2023 - 29.03.2023	Minggu Keselamatan Pengubatan - Kenali Ubat TB Anda
2	11.04.2023	Pameran Minggu Kesihatan Sedunia Peringkat Hospital
3	18.09.2023 - 22.09.2023	Minggu Keselamatan Pesakit (MPSG) Peringkat Hospital
4	24.09.2023	Aktiviti QUMC di Kanowit Unity Run
5	04.12.2023	Aktiviti QUMC di Rh Taboh, Ng Ngungun

Gambar-gambar Aktiviti QUMC yang dianjurkan oleh Unit Farmasi pada tahun 2023

Aktiviti QUMC di Rh Taboh, Ng Ngungun



Minggu Keselamatan Pengubatan - Kenali Ubat TB Anda



Pameran Minggu Kesihatan Sedunia Peringkat Hospital



Minggu Keselamatan Pesakit (MPSG) Peringkat Hospital




Aktiviti QUMC di Kanowit Unity Run



### 8.5.5 Senarai Audit Dijalankan oleh Unit Farmasi

Unit Farmasi mementingkan pemantauan pematuhan staf dan pengguna dengan polisi dan garis panduan sedia ada. Audit dalaman Farmasi seperti audit polisi pengurusan kunci dan audit pelan kontigensi unit Farmasi telah dijalankan pada tahun 2023.

Selain itu, Unit Farmasi juga menjalankan audit di unit-unit lain seperti pemeriksaan wad dan audit amalan keselamatan pengubatan. Pemeriksaan wad telah dijalankan sebanyak tiga kali (Mac, Jun dan November) pada tahun 2023 dengan pencapaian wad seperti dalam Graf 31. Pembentangan pencapaian pemeriksaan wad telah dikongsi dengan unit diaudit semasa sesi dialog bersama Unit Kejururawatan dan Unit Penolong Pegawai Perubatan Bil 1.2023 (25.07.2023) dan Bil 2.2023 (14.12.2023)



Graf 31: Pencapaian pemeriksaan wad di Hospital Kanowit pada tahun 2023.


Selain itu, Unit Farmasi juga telah diaudit oleh pihak eksternal seperti ADAF 2023 dan Penilaian Akreditasi MSQH secara *mock survey*. Pencapaian audit adalah seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5: Pencapaian audit Unit Farmasi Hospital Kanowit

No	Tarikh	Nama Audit	Pencapaian
1	26 September 2023 - 27 September 2023	Audit Dalaman Amalan Farmasi (ADAF) Tahun 2023	Pusat Maklumat Ubat - <b>5/5</b> Pengurusan Farmasi Pesakit Luar - <b>24/25</b> Pengurusan Farmasi Pesakit Dalam - <b>29.19/30</b> Sistem Pengurusan Kualiti & PhIS - <b>14.49/15</b> Pengurusan Farmasi Logistik - <b>24.52/25</b> Keseluruhan: <b>97.20%</b>
2	29 November 2023 - 30 November 2023	Mock Survey Penilaian Akreditasi MSQH Hospital Kanowit	Standard 18 - Pharmacy Services <i>The standard is well complied.</i>


### 8.5.6 Laporan Keselamatan Pengobatan dan Laporan Insiden (IR)

Jumlah kesilapan pengobatan jenis *near miss* telah menunjukkan penurunan pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 (Graf 32).



Graf 32: Jumlah kesilapan pengobatan jenis *near miss* yang dilaporkan dari tahun 2021 ke 2023.

Analisa jenis kesilapan “*near miss*” yang paling kerap berlaku adalah “*filling error wrong drug*” diikuti dengan “*filling error wrong strength*” (Graf 33). Semua staf farmasi adalah diingati untuk sentiasa mengamalkan “*triangle checking*” dalam pemeriksaan ubat sebelum sampai ke kaunter pendispensan. CQDC secara 100% juga telah dilaksanakan di Farmasi mulai 20 November 2023 di mana semua preskripsi yang diisi perlu disemak silang sebelum dihantar ke kaunter pendispensan. Pegawai yang bertugas di kaunter pendispensan adalah dinasihati untuk sentiasa memeriksa label ubat, bungkusan ubat dan preskripsi ubat supaya ubat yang betul dibekalkan kepada pesakit..



Graf 33: Jenis kesilapan pengobatan near miss dilaporkan secara bulanan pada tahun 2023

Sejumlah 12 kes kesilapan pengubatan jenis “actual error” telah dilaporkan di Hospital Kanowit pada tahun 2023 berbanding 5 kes pada tahun 2022 dengan butiran seperti dalam Jadual 6. Antaranya, satu insiden kesilapan pengubatan jenis “actual error” yang berlaku di Unit Farmasi dan tindakan penambahbaikan dan pencegahan telah diambil.

Jadual 6: Kesilapan Pengubatan jenis “actual error” yang dilaporkan di Hospital Kanowit pada tahun 2023.


HOSPITAL KANOWIT ACTUAL MEDICATION ERROR DETECTED JANAURY - DECEMBER 2023						
No	Month ME Detected	Location	Error Description	Error Category	Action Taken	MERS Reporting No
1	Jan-23	Male Ward	IV ceftriaxone not served at time of administration	D (additional monitoring)	Not to bring casenote out from the ward	ME/ref/2023/08078
2	Mar-23	JPL	Wrong green copy Rx, prescribed wrongly to patient	E (temporary harm)	Double check green copy Rx, check medication profile PhIS	ME/ref/2023/13767
3	Apr-23	JPL	Wrong TCA date given by PPK	C (no harm)	PPK not allowed to give TCA date, only JM is authorized. Pharmacy has the right to reject Rx if no TCA date given	ME/ref/2023/23485
4	Jun-23	Female Ward	IV cefuroxime not served at time of administration	D (additional monitoring)	CME on medication administration timing	ME/ref/2023/33422
5	Jun-23	Male Ward	IV augmentin not served at time of administration	D (additional monitoring)	CME on medication administration timing	ME/ref/2023/33423
6	Jul-23	JPL	Tab calcitriol 0.25mcg BD wrongly prescribed as Tab colchicine	C (no harm)	Good prescribing practice	ME/ref/2023/36565
7	Jul-23	JPL	Omission error - Tab metoprolol	C (no harm)	Good prescribing practice	ME/ref/2023/40688
8	Jul-23	Pharmacy	SPUB Rx: Tab aspirin 75mg EOD wrongly transcribed as Tab cardiprin 1 tab OD	D (additional monitoring)	Policy updated, not to autoswitch SPUB Rx	ME/ref/2023/40691
9	Aug-23	JPL	Omission error - Tab clopidogrel	D (additional monitoring)	Good prescribing practice	ME/ref/2023/46093
10	Nov-23	Male Ward	Omission IV hydrocortisone 100mg TDS (not served) due to wrong entry by A&E	D (additional monitoring)	Morbidity review done 13.11.2023	ME/ref/2023/59885
11	Dec-23	A&E	Prescribing error - cap amoxicillin prescribed 500mg TDS to 4 year old weighed 15.2kg	D (additional monitoring)	Pending RCA	Pending RCA
12	Dec-23	A&E	Administration error - IV prochlorperazine given as bolus instead of slow IV, patient developed eps dystonic reaction and admitted to ward	F (initial prolonged hospitalization - caused temporary harm)	Pending RCA	Pending RCA

## 8.6 Aktiviti Kebajikan staf

Unit Farmasi sentiasa mementingkan kebajikan staf. Pada tahun 2023, Unit Farmasi telah menganjurkan sambutan hari lahir staf dan sambutan perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Hari Gawai dan Hari Krismas bersama dengan semua staf Unit Farmasi. Pada Hari Krismas, aktiviti pertukaran hadiah telah diadakan untuk mengeratkan hubungan antara semua staf farmasi. Selain itu, Unit Farmasi juga menganjurkan sambutan *World Pharmacists' Day* pada 25 September 2023 sebagai tanda penghargaan atas sumbangan ahli farmasi dalam perkhidmatan kesihatan kepada para pesakit secara berterusan.

Gambar-gambar kebajikan dan social Unit Farmasi Hospital Kanowit pada tahun 2023

Sambutan Hari Jadi Staf Unit Farmasi



Sambutan "World Pharmacist Day"



Sambutan Gawai Raya



Sambutan Hari Krismas dan pertukaran hadiah



## **9. CADANGAN**

Masih terdapat 1 jawatan kosong untuk Pegawai Farmasi yang belum diisi. Pengisian jawatan Pegawai Farmasi adalah amat diperlukan untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit. Selain itu, naik taraf infrastruktur Farmasi juga diperlukan untuk menambahkan ruang penyimpanan stok dan ruang menunggu pesakit terutamanya di Farmasi Pesakit Luar.